



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan **Tetap/Kontrak** di **Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor**.

PENTING:

1. Sila rujuk senarai **Fakulti dan Bidang** yang ditawarkan bagi jawatan Pensyarah / Pensyarah Kanan / Profesor Madya/Profesor di **Jadual 1**.
2. Sila rujuk **SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN MAKLUMAT JAWATAN** seperti di **Lampiran A**.
3. Sila rujuk **CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN** seperti di **Lampiran B** sebelum mengemukakan permohonan jawatan.

A. JAWATAN AKADEMIK

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL					
1.	PROFESOR	Khas	Pensyarah Universiti	RM 7,990.00	RM 22,040.00
2.	PROFESOR MADYA	DS14	Pensyarah Universiti	RM 6,560.00	RM 15,360.00
3.	PENSYARAH KANAN	DS13	Pensyarah Universiti	RM 6,210.00	RM 14,370.00
4.	PENSYARAH	DS11	Pensyarah Universiti	RM 3,320.00	RM 12,760.00

JADUAL 1

**FAKULTI DAN BIDANG YANG DITAWARKAN
BAGI JAWATAN PENSYARAH / PENSYARAH KANAN/
PROFESOR MADYA / PROFESOR**

BIL	FAKULTI / KOLEJ PENGAJIAN	BIDANG PENGAJARAN
1.	Fakulti Perakaunan	<i>Financial Accounting and Reporting</i>
		<i>System and Assurance</i>
		<i>Management Accounting and Finance</i>
2.	Akademi Pengajian Islam Kontemporari	Syariah dan Undang-Undang

SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN MAKLUMAT JAWATAN

JAWATAN AKADEMIK

PENSYARAH UNIVERSITI

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut;
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS11

- (c)
 - (i) Ijazah Sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); atau
 - (ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau Diploma Lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dan telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,320.00); atau
 - (iii) Ijazah Kedoktoran dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS11: RM3,650.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS13

- (d)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);
 - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DS13: RM6,210.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS14 (PROFESOR MADYA)

- (e)
 - (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
 - (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan
 - (iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada DS14: RM6,560.00)

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)

- (f) (i) Mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (c);
dan (ii) Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan
(iii) Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,990.00)

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

KEPERLUAN TAMBAHAN / KEUTAMAAN

3. a) Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki kelayakan **Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)**.
b) Calon berkeelayakan Ijazah Sarjana hendaklah memiliki **CGPA 3.00 ke atas/Kelas Kedua Tinggi/Mumtaz/Jayyid Jiddan atau yang setaraf** diperingkat Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana. [Pengecualian bagi pemohon yang telah memiliki kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setara]

CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman sesawang di <https://pengambilancns.uitm.edu.my/> dan membuat permohonan secara dalam talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan.
2. Pemohon dikehendaki membeli nombor pin di dalam sistem Pengambilan dengan bayaran RM10.00 bagi setiap nombor pin untuk setiap satu jawatan yang dimohon.
3. Sekiranya anda terpilih untuk ditemuduga, sila bawa bersama dokumen asal dan satu (1) Salinan borang yang telah dicetak dan disahkan ke sesi temuduga. Sekiranya dokumen lengkap tidak dikemukakan, panggilan temuduga adalah terbatal. Dokumen-dokumen yang telah disahkan hendaklah dikepilkan mengikut susunan berikut:
 - i) Borang Permohonan
 - ii) Kad Pengenalan
 - iii) Sijil Kelahiran
 - iv) Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - v) Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - vi) Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)
 - vii) Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambilkira pengalaman kerja/penetapan gaji
 - viii) Salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/badan berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
 - ix) Dokumen berkaitan dengan jawatan yang dipohon.
4. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
6. **Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di UiTM Cawangan Johor.**
7. Tarikh iklan dikeluarkan pada 3 Disember 2025 (Rabu).

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

17 DISEMBER 2025 (RABU)

Sebarang pertanyaan berkaitan permohonan jawatan boleh dikemukakan kepada:



اَوْنُوْمُ اَلْمَرْكَزِ اَلْمَعْلَمِي
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN JOHOR
KAMPUS SEGAMAT**

No Tel : +(607) - 935 2273 / 2010 / 2272 / 2020
Emel : pengambilancj@staf.uitm.edu.my